



48,000 pesakit menunggu buah pinggang »26 & 27



Malaysia akan serang habis-habisan »48

Michelle Yeoh wanita Asia pertama dicalon untuk Oscar »12



PEMIKIRAN BAHARU Utusan Malaysia

RM3 bilion berjaya diserah kepada pemilik, tuntutan paling tinggi RM6 juta

Kerajaan labur RM7b wang tidak dituntut

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan melaburkan separuh iaitu RM7 billion daripada RM14 billion wang terkumpul dikategorikan wang tidak dituntut (WTD) dalam

Simpanan Tetap selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957.

Jumlah RM14 billion WTD itu adalah setakat akhir tahun lalu diserahkan oleh pelbagai entiti kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) sebagai pemegang amanah.

Daripada jumlah itu, RM3 bilion WTD telah dibayar balik kepada penerima yang berhak, menjadikan baki simpanan JANM adalah RM11 billion.

Memberitahu *Utusan Malaysia*, Pengarah Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut,

JANM, Kalthom Salim berkata, WTD ialah wang yang kena dibayar di sisi undang-undang kepada pemilik yang sepatutnya berdasarkan tiga kategori dalam tempoh masa tertentu.

Bersambung di muka 2



Rumah kongsi daif

PEKERJA asing yang diperiksa dalam operasi bersepadu di sebuah kilang di sekitar Aman Perdana, Klang yang didapati menyediakan penginapan daif dan tidak kondusif. - UTUSAN/ SADDAM YUSOFF

'B40 penting, M40 akan diberi perhatian'

ISMAIL DAUD

Melaporkan dari Bandar Seri Begawan



BANDAR SERI BEGAWAN: Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan setiap lapisan masyarakat akan mendapat manfaat menerusi Bajet 2023 yang akan dibentang semula 24 Februari ini.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, pentadbirannya tidak akan meminggirkan mama-mana kumpulan masyarakat dan masih memperinci bajet tersebut.

"Belum siap lagi (Bajet 2023). Inilah masalahnya. Sarawak minta (peruntukan), Sabah pun minta (peruntukan).

"Di bawah (pentadbiran) saya (M40) tidak dipinggirkan. B40 penting tetapi M40 juga kita akan berikan perhatian," katanya dalam sidang akbar di akhir lawatan rasmi dua hari ke Brunei, semalam.

Hadir sama Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Openg; Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor dan Menteri Luar, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir.

Sebelum ini, ada runutan dalam kalangan M40 yang berasa sering dipinggirkan kerajaan berbanding kelompok B40 setiap kali bajet dibentang sedangkan mereka adalah antara penyumbang terbesar kepada kewangan kerajaan.

Bersambung di muka 3

Dalam Negeri

Minda Pengarang

NIZAM ABDUL HAMID

Kesan abai sekuriti makanan

MASALAH bekalan makanan terutamanya ayam, telur dan minyak masak boleh dikatakan kesemuanya bermula selepas pandemik Covid-19 yang menyerang dunia pada awal tahun 2020.

Keadaan itu dikaitkan dengan penutupan hampir semua sektor ekonomi dan kesannya banyak perusahaan terhenti malah ada yang ditutup operasinya sehingga memaksa pekerja asing juga mengambil keputusan balik ke negara asal kerana tiada pekerjaan untuk mereka.

Ketika pandemik semakin pulih, berlaku pula perang Russia-Ukraine pada Februari tahun lalu yang menyebabkan harga minyak melambung ketika itu dan bekalan jagung global dunia juga terjejas apabila rantaianya terganggu di negara pengeluar bijiran tersebut.

Masalah bertimpama-timpama itu tidak pernah disangka oleh kebanyakan negara dan amat menyakiti untuk pemain industri yang terlibat dalam ternakan dan sektor makanan.

Keadaan itu sebenarnya menjadikan sekuriti makanan di kebanyakan negara termasuk Malaysia sendangkan ia salah satu aspek yang disedari penting oleh semua tetapi tidak diberi perhatian sewajarnya oleh kerajaan.

Malaysia juga tidak terkecuali dengan cenderung kepada import makanan termasuk untuk dedak ternakan. Alasannya ia lebih menguntungkan. Tetapi dengan keadaan ekonomi dunia tidak menentu, polemik politik tempatan berterusan serta penurunan ketara nilai mawatang ringgit, sektor pertanian kembali dilihat sebagai penting.

Kekurangan bekalan jagung global menyebabkan harganya melonjak tinggi dan keadaan itu menjadikan para peternak apabila harga makanan ayam meningkat lebih sekali ganda ketika mereka mahu bangkit semula daripada pandemik Covid-19 dan pada masa sama terpaksa menanggung pelbagai kos operasi lain yang turut mencancan naik.

Bagi mengelak kos operasi yang tinggi, peternak terpaksa memendekkan tempoh ternakan sebelum ayam boleh dijual atau ayam bertelur. Akibatnya bekalan sumber protein yang menjadi pilihan ramai itu di pasaran kuranguran dan harganya juga meningkat.

Suka atau tidak, kerajaan perlu lebih serius dalam sektor pertanian dengan sekuriti makanan menjadi agenda utama. Semua agensi terlibat mesti digerakkan ke arah itu dan lebih agresif dalam pengeluaran dan juga pemasarannya.

Kalau perlu melibatkan peneroka Felda, Felcra dan penduduk kampung yang mempunyai tanah untuk mengusahakannya sebagai pendapatan tambahan, ia perlu dilaksanakan dengan segera dan secara serius.

Lebih baik kerajaan mengeluarkan perbelanjaan tersebut untuk projek seperti itu daripada terpaksa mengeluarkan belanja ketika berlakunya krisis seperti ketika ini sehinggakan telur dan ayam pun terpaksa dibeli dari negara lain walaupun sebelum ini Malaysia antara pengeluar utama makanan itu.

Nizam Abdul Hamid ialah Pengarang Berita Utusan Malaysia

Kerajaan labur RM7 bilion wang tidak dituntut

Dari muka 1

Tempoh itu adalah tidak kurang satu tahun, dua tahun dan tujuh tahun seperti mana ditetapkan Akta WTD 1965.

Pemilik WTD melibatkan pelbagai pihak iaitu individu, syarikat, pertubuhan dan pelbagai organisasi.

"WTD tidak dapat diserahkan kepada penerima kerana tiada tuntutan dibuat oleh empunya walaupun pelbagai usaha diambil JANM seperti penyediaan kaunter di setiap JANM negeri atau cawangan, hebatan melalui media cetak dan media sosial.

"Bagaimanapun sekitaranya ada tuntutan, JANM menyerahkan WTD kepada penerima dengan nilai paling tinggi yang dituntut dan telah dibayar setakat ini bernilai RM6 juta, manakala nilai paling rendah bernilai 1 sen," katanya di sini semalam.

Mengulas lanjut, Kalthom berkata, kategori pertama WTD ialah wang yang kena dibayar di sisi undang-undang kepada empunya tetapi tidak dibayar dalam satu tempoh masa tidak kurang setahun.

Bayaran wang itu seperti gaji, upahan, bonus, komisen dan wang lain yang kena dibayar kepada kakitangan.

Selain itu ialah wang dividen; keuntungan yang diisyitharkan untuk dibahagikan; tuntutan insurans yang diluluskan untuk bayaran; bank draft, cashier's order dan dokumen lain yang mempunyai fungsi serupa di



JUMLAH baki wang yang tidak dituntut di Jabatan Akauntan Negara Malaysia adalah RM11 bilion sehingga hujung tahun lalu.

mana tempoh sah lakunya telah lalu.

Contoh lain ialah simpanan tetap (tanpa arahan pembaharuan automatik) yang telah matang; cagaran dan deposit apabila tujuan wang itu dikutip tetapi tidak dibayar dalam satu tempoh masa tidak kurang tujuh tahun.

Contohnya ialah wang akaun simpanan; akaun semasa dan simpanan tetap (yang mempunyai arahan pembaharuan au-

tomatis).

"Kategori ketiga ialah wang dalam kredit sesuatu akaun dagangan yang tidak dikendalikan melalui apa-apapun urus niaga dalam satu tempoh masa tidak kurang dua tahun seperti akaun pembiutan dagangan dan akaun penghitung dagangan berbaik kredit," katanya.

Orang ramai boleh menyemak WTD melalui portal <https://eguisis.janm.gov.my/> atau melalui Kaunter WTD di Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) seluruh Malaysia.

Mereka juga boleh menyemak melalui Warta Kerajaan yang dicetak Percetakan Nasional Berhad (PNB) dan disimpan di Perpus-takaan Negara Malaysia (PNM).

Waktu Solat

| | SUBUH | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|------------------|-------|-------|------|---------|-------|
| Kuala Lumpur | 6:16 | 1:28 | 4:50 | 7:26 | 8:39 |
| Shah Alam | 6:16 | 1:28 | 4:50 | 7:26 | 8:39 |
| Seremban | 6:14 | 1:27 | 4:49 | 7:26 | 8:39 |
| Melaka | 6:12 | 1:26 | 4:48 | 7:25 | 8:38 |
| Johor Bahru | 6:05 | 1:20 | 4:42 | 7:20 | 8:33 |
| Ipoh | 6:20 | 1:31 | 4:53 | 7:27 | 8:40 |
| Pulau Pinang | 6:23 | 1:33 | 4:55 | 7:29 | 8:41 |
| Alor Setar | 6:24 | 1:33 | 4:54 | 7:27 | 8:40 |
| Kuala Terengganu | 6:12 | 1:22 | 4:43 | 7:17 | 8:30 |
| Kota Bharu | 6:17 | 1:26 | 4:47 | 7:20 | 8:29 |
| Kuantan | 6:10 | 1:23 | 4:45 | 7:21 | 8:34 |
| Kangar | 6:24 | 1:33 | 4:54 | 7:27 | 8:40 |

Renungan

Sesungguhnya orang yang kafir, kalau (tiap-tiap seorang daripada) mereka mempunyai segala yang ada di muka bumi atau sebanyak itu lagi bersamanya, untuk mereka menjadikannya penembus diri mereka dari azab siksa hari kiamat, nescaya tebusan itu tidak akan diterima dari mereka; dan mereka akan beroleh azab siksa yang tidak terperi sakitnya.

- Surah al-Maalidah
Ayat 36